

# Suruhanjaya Sekuriti, IsDB majukan pasaran modal Islam

**Riyadh:** Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDB), sekali gus membuka ruang kerjasama lebih erat dalam pasaran modal Islam (ICM) dan meluaskan jangkauan teknologi kewangan (fintech) serta kewangan sosial Islam, terutama wakaf.

Lebih bermakna, pemeteraian MoU yang penting dan pertama seumpamanya antara pengawal selia pasaran modal Malaysia dan bank pembangunan pelbagai hala perdana wilayah selatan global itu turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Presiden dan Pengerusi IsDB, Dr Muhammad Al Jasser, dalam satu majlis, di sini.

MoU ditandatangani Pengerusi SC, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin dan Naib Presiden Kewangan yang juga Ketua Pegawai Kewangan IsDB, Dr Zamir Iqbal, di luar Mesyuarat Agung Tahunan IsDB 2024, di sini.

Anwar dan Muhammad Al Jasser dalam mesyuarat pada Mac 2023 bersetuju agar pengawal selia, pihak berkuasa dan

perniagaan di Malaysia bekerjasama erat dengan IsDB untuk meneroka bidang kerjasama baharu.

Ini termasuk membangunkan dan merintis produk kewangan Islam yang inovatif, mempromosikan industri halal dan menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Dalam MoU itu, SC dan IsDB akan bekerjasama dalam beberapa bidang utama seperti memudah cara inovasi dalam fintech Islam, menggalakkan pembangunan kewangan sosial Islam dan menggalakkan aliran masuk pelaburan.

Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan pembinaan kapasiti, perkongsian pengetahuan dan projek teknikal bersama dalam bidang berkepentingan utama membabitkan ICM yang boleh dimodalkan oleh kedua-dua institusi bagi manfaat negara anggota IsDB lain.

Awang Adek ketika ditemui media berkata, sinergi kerjasama itu menandakan satu kejayaan bersejarah bagi SC dan IsDB.

“Kami berhasrat meluaskan dan mendalami tahap fintech Islam



Anwar dan Muhammad menyaksikan majlis menandatangani MoU antara SC dan IsDB yang diwakili Awang Adek (dua dari kiri) dan Zamir. (Foto BERNAMA)

melalui skala dan pasaran baharu serta meluaskan peluang melalui kewangan sosial, termasuk pembangunan aset wakaf dengan memanfaatkan pasaran modal dan kepakaran pembangunan kewangan masing-masing,” katanya.

Beliau turut menyifatkan MoU itu selaras inisiatif strategik utama untuk ICM Malaysia di bawah Pelan Induk Pasaran Modal 3 (2021 - 2025), termasuk memperluaskan jangkauan ICM kepada

pemegang kepentingan ekonomi yang lebih luas, selain menerima kerjasama dan inovasi bagi tujuan pertumbuhan.

Muhammad Al Jasser, pula berkata MoU itu menyaksikan SC dan IsDB akan bekerjasama untuk meningkatkan teknologi kewangan Islam, kewangan sosial dan menarik pelaburan asing dalam pasaran swasta.

“Kerjasama ini akan meningkatkan pasaran modal Islam bu-

kan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh negara anggota IsDB, mengutamakan sokongan untuk PMKS dan pasaran swasta yang penting untuk pemerksaan ekonomi,” katanya.

Pada 2023, ICM Malaysia berkembang 4.5 peratus kepada RM2.4 trilion, manakala sukuk belum tebus meningkat 7.4 peratus dan ekuiti patuh Syariah menokok 1.5 peratus.

BERNAMA